

BAB SATU

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan

al-Sakkākīy ialah Sirāj al-Dīn, Abū Ya‘qūb, Yūsuf bin Abū Bakr bin Muḥammad bin ‘Alīy al-Sakkākīy al-Khuwārizmī.¹ Beliau seorang ulama dari bangsa Khuwārizm yang terkenal dalam kalangan para ahli bahasa, sama ada yang semasa dengannya mahupun para generasi selepasnya, kerana ketokohannya dalam bidang balaghah amat terserlah, terutamanya dalam membahagikan ilmu balaghah kepada tiga bahagian, iaitu ilmu ma‘āni, ilmu bayān dan kajian tentang teknik memperindahkan bahasa, sama ada yang merujuk kepada lafaz mahupun yang merujuk kepada makna, yang kemudiannya dikenali sebagai ilmu badi².

Walaupun al-Sakkākīy terkenal dalam bidang balaghah, namun kemampuan dan kemahiran beliau bukanlah dalam bidang ini sahaja, tetapi juga dalam bidang-bidang lain terutamanya yang berkaitan dengan ilmu bahasa Arab, seperti ilmu nahu, ilmu şaraf, ilmu ‘arūd (prosodi), dan qāfiyat (rima). Ini dapat dilihat dalam karya ulungnya *Miftāh al-‘Ulūm*.³ Bahkan beliau mahir dalam bidang kesusasteraan, bidang akidah dalam aliran mu‘tazilah,⁴ begitu juga bidang fekah dalam mazhab Hanafi.⁵

¹ al-Ziriklīy, Khair al-Dīn al-*A’lām*, *Qāmūs Tarājim*, jil: 8, hal. 222

² Istilah “ilmu badi” dipopularkan oleh pengikutnya “Badr al-Dīn bin Maṭīk (686 H). Beliau telah menulis sebuah kitab berjudul *al-Miṣbāḥ Fī ‘Ulūm al-Ma‘āni wa al-Bayān wa al-Badi*. (Lihat: Basyūniy, ‘Abd al-Fattāḥ Fayyūd, *Ilm al-Bayān*, t.t.p. Dār al-Ma‘alim al-Thaqāfat, hlm. 109

³ al-Sakkākīy, Muqaddimah *Miftāh al-‘Ulūm*, Ibid, hlm. 14

⁴ Mu‘tazilah ialah suatu kumpulan qadariyyah yang diketuai oleh Wāṣil bin ‘Aṭā yang mengasingkan diri dari majlis al-Ḥasan al-Baṣrīyah dalam masalah orang yang dinodai dosa besar (Muḥammad Rawwās Qal‘ājiy dan Hāmid Sādiq Qunaibiy, *Mu‘jam Lughat al-Fuqahā*, Beirut: Dār al-Nafā’is, Cetakan Pertama: 1985, hlm. 439)

⁵ al-Ḥamawīy, Yāqūt, *Mu‘jam al-Udabā*, Jil. 5, hlm. 647

Pada zaman sebelum al-Sakkākīy, perbahasan cabang-cabang balaghah telahpun wujud, tetapi masih bercampur baur dengan ilmu-ilmu bahasa Arab yang lain. Kitab *Miftāh al-‘Ulūm* merupakan karya pertama yang membahas cabang-cabang balaghah secara berasingan. Bahkan ia bukan hanya memisahkan ilmu balaghah dari ilmu-ilmu bahasa Arab yang lain, tetapi juga telah memisahkan antara tiga komponen ilmu balaghah dengan membahagikannya kepada tiga bahagian, iaitu ilmu ma‘ānī, ilmu bayān dan ilmu badī‘ dengan definisinya masing-masing. Dengan demikian, dapat dikatakan bahawa al-Sakkākīy merupakan pelopor yang membahas bidang balaghah secara berasingan dan terperinci.

Sebelum memasuki perbincangan tentang tajuk tesis ini, iaitu “AL-SAKKĀKĪY DAN PERANANNYA DALAM PERKEMBANGAN ILMU BALAGHAH”, terlebih dahulu dalam bab ini penulis akan membincangkan beberapa persoalan asas yang merangkumi pengenalan, permasalahan kajian, kajian lampau, kepentingan kajian, sebab pemilihan tajuk, objektif kajian, batasan kajian, metodologi kajian dan rangka kajian. Kemudian bab ini diakhiri dengan penutup.

1.1 Permasalahan Kajian

Seperti yang sedia maklum bahawa al-Sakkākīy adalah salah seorang tokoh terkenal dalam bidang balaghah khasnya dan dalam bidang ilmu bahasa Arab amnya, sama ada dalam kalangan para ulama dalam generasinya begitu juga dalam kalangan para ulama dalam generasi selepasnya hingga ke hari ini. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan karya-karya para pengkaji, di mana setiap yang mengkaji tentang perkembangan ilmu balaghah mereka pasti menyebut nama al-Sakkākīy dan karyanya *Miftāh al-‘Ulūm*.

Sesuai dengan judul *Miftāh al-‘Ulūm* iaitu “kunci ilmu-ilmu”, maka kitab ini mengandungi perbincangan pelbagai ilmu yang berkaitan dengan ilmu bahasa Arab, di mana beliau telah membahagikan kitab ini kepada tiga bahagian; Bahagian pertama kajian ilmu ḥaraf, bahagian kedua kajian ilmu nahu, sedangkan bahagian ketiga dikhaskan untuk perbincangan bidang balaghah. Kemudian diiringi dengan perbincangan ilmu istidlāl (penghujahan), ilmu ‘arūd (prosodi), qāfiyat (rima) dan ḥad (berkaitan dengan definisi). Kitab *Miftāh al-‘Ulūm* telah membuat al-Sakkākīy sebagai seorang ulama terkenal sejak dari zamannya hingga ke hari ini.

Walaupun perbahasan dan perkembangan balaghah semakin pesat dengan penulisan yang berterusan, namun tidak dapat dinafikan bahawa penulisan mereka sedikit banyaknya telah dipengaruhi oleh pemikiran al-Sakkākīy dalam kitab *Miftāh al-‘Ulūm*. terutamanya dalam membahagikan balaghah kepada tiga bahagian, begitu juga dari segi perbahasannya. Ini dapat dilihat secara nyata di dalam karya-karya bidang balaghah selepasnya.

Ramai ulama yang memuji dan mengagumi ketokohan al-Sakkākīy, misalnya Syaikh Muṣṭafā al-Marāghīy dalam karyanya *Tārīkh ‘Ulūm al-Balāghat Wa al-Ta‘rif Bi Rijālihā* berkata: “Kita tidak pernah tahu bahawa sebelum al-Sakkākīy ada yang membahagikan ilmu faṣāḥat kepada tiga bahagian seperti yang kita lihat pada hari ini, sama ada dalam bentuk lisan mahupun dalam bentuk tulisan. Adapun penulisan-penulisan tentang balaghah sebelumnya, seperti kitab *al-Šinā‘atayn* karya Abū Hilāl al-‘Askariyy, kitab *Sirr al-Faṣāḥat* karya Ibn Sinān al-Khafājīy, *Asrār al-Balāghat* dan

Dalāil al-I'jāz karya ‘Abd al-Qāhir al-Jurjāniy tidaklah selengkap apa yang dikemukakan oleh al-Sakkākiy¹.

al-Sayūtiy berkata; “Ibn al-Sakkāk adalah seorang yang sungguh alim, mahir dalam pelbagai bidang ilmu, terutamanya dalam bidang ilmu ma‘ānī, ilmu bayān, beliau pengarang kitab *Miftāh al-'Ulūm* yang mengandungi dua belas bidang ilmu bahasa Arab. Kemudian saya melihat riwayat hidupnya yang ditulis oleh Syaikh Sirāj al-Dīn al-Bulqainiy bahawa Yūsuf bin Abū Bakr bin Muḥammad bin ‘Aliy, Abū Ya‘qūb al-Sakkākiy, Sirāj al-Dīn al-Khuwārizmī adalah imam dalam bidang nahu, şaraf, ma‘ānī, bayān, istidlāl, ‘arūḍ dan puisi, beliau juga mempunyai kepakaran dalam bidang ilmu kalam dan banyak lagi bidang ilmu yang beliau kuasai”.² Kenyataan-kenyataan ini menimbulkan persoalan-persoalan berikut:

- a. Apakah peranan al-Sakkākiy yang boleh dianggap sebagai sumbangannya kepada perkembangan ilmu balaghah sehingga beliau begitu dikagumi oleh pakar-pakar dalam bidang balaghah khasnya dan dalam bidang bahasa Arab amnya ?
- b. Apakah yang telah dibincangkan oleh al-Sakkākiy dalam karyanya *Miftāh al-'Ulūm* sehingga telah menarik perhatian dan mempengaruhi para pakar balaghah terhadap karya tersebut ?
- c. Apakah pembaharuan yang dilakukan oleh al-Sakkākiy dalam kajian ilmu balaghah ?

¹ Muṣṭafā al-Marāghīy, *Tārīkh 'Ulūm al-Balāghat Wa Ta'rīf bi Rijālihā*, hlm. 111

² Maḥmūd al-Sayyid al-Dā'im, *Miftāh al-'Ulūm*, *Li Abī Ya'qūb al-Sakkākiy al-Khuwarizm wa Makānatuh Fī al-Maktabat al-'Arabiyyat*, t.hlm. (15/12/2008.<http://www.daralhayat.com/society/metropolitan/10-2007/Item-20071001-5cc5f6e0-c0a80ed-00c3-e8c446d5dcaa/story.html>)

- d. Apakah komen para ulama bahasa Arab terhadap al-Sakkākiy ?

Maka dalam penulisan ini penulis akan mengkaji tentang peranan al-Sakkākiy serta mengemukakan aspek-aspek balaghah yang dibincangkan dalam karyanya *Miftāh al-'Ulūm* khususnya bahagian yang ketiga yang telah mempengaruhi pemikiran para pengkaji selepasnya, melihat pembaharuan yang beliau lakukan dalam perkembangan ilmu balaghah dan meneliti komen-komen para ulama terhadapnya. Ramai pakar balaghah yang telah menarik perhatian kepada karya beliau *Miftah al-'Ulum* sehingga mereka membuat ringkasan-ringkasan, huriaian-huriaian dan ulasan-ulasan supaya kitab ini mudah difahami oleh para pembaca.

Mudah-mudahan dengan penulisan ini akan dapat mengenal secara dekat tentang al-Sakkākiy dan karyanya *Miftāh al-'Ulūm* khususnya bahagian ketiga yang berkaitan dengan perbahasan ilmu balaghah, sehingga dengan demikian akan jelaslah apa peranan beliau yang boleh dianggap sebagai sumbangannya kepada perkembangan ilmu balaghah.

1.2 Kajian Lampau

Sepanjang pengetahuan penulis masih belum terdapat suatu bentuk penulisan atau kajian yang khusus lagi terperinci yang membicarakan tentang peranan al-Sakkākiy dalam perkembangan ilmu balaghah. Hanya terdapat beberapa kajian dan penulisan yang dilakukan oleh ahli bahasa terdahulu dan sekarang berkaitan al-Sakkākiy dan karyanya *Miftāh al-'Ulūm* secara umum. Di sini penulis akan mengemukakan kajian-kajian tersebut secara ringkas dengan menyebut nama karya dan pengarangnya. Antara kajian-kajian tersebut ialah:

- a. Kajian pakar balaghah seperti Akram ‘Uthmān, di mana beliau telah mengulas kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* karangan al-Sakkākīy sebagai tesis Doktor Falsafahnya yang dikemukakan kepada Fakulti Sastera, Universiti Baghdad pada tahun 1400 H / 1980 M. Tesis ini telah diterbitkan oleh universiti tersebut setelah dicetak dalam bentuk buku oleh percetakan Dār al-Risālat pada tahun 1400 H / 1981 M. Akram ‘Uthmān telah memfokuskan perbincangannya kepada beberapa perkara mengenai al-Sakkākīy dan karyanya *Miftāḥ al-‘Ulūm*. Perbincangan beliau tertumpu kepada perbahasan mengenai persekitaran al-Sakkākīy, metodologi *Miftāḥ al-‘Ulūm*, sumber balaghah al-Sakkākīy, sebab-sebab yang mendorong beliau untuk mengulas kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*, manuskrip dan teknik mengulasnya. Perbincangan beliau lebih mengarah kepada ulasan tentang *Miftāḥ al-‘Ulūm*, ia berbeza dengan tumpuan penulis dalam tesis ini yang menumpukan kepada kajian tentang peranan al-Sakkākīy dan pengaruhnya dalam perkembangan ilmu balaghah.

- b. Muḥammad Ṣalāḥ Zakiy Abū Ḥamīdat, beliau telah menulis sebuah karya berjudul *al-Balāghat Wa al-Uslūbiyat ‘Inda al-Sakkākīy*. Dalam karya ini beliau memberi penjelasan dan komen tentang kandungan kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* dari segi uslub dan perbahasannya.

Karya-karya tersebut telah banyak membantu dan memberi panduan kepada penulis dalam menyelesaikan kajian ini. Begitu juga karya-karya lain yang menyentuh tentang al-Sakkākīy dan karyanya *Miftāḥ al-‘Ulūm* sedikit banyaknya telah membantu penulis dalam usaha menyempurnakan kajian ini. Semoga Allah memberi rahmat dan keredaanNya kepada mereka.

1.3 Kepentingan Kajian

Setiap kajian mempunyai kepentingan yang tersendiri, maka kajian ini sangat penting dalam menjadikan bidang balaghah sebagai suatu bidang yang setanding dengan bidang-bidang ilmu yang lain. Maka kajian ini mempunyai beberapa kepentingan berikut:

- a. Kajian ini memperkenalkan al-Sakkākiy sebagai seorang tokoh penting dalam perkembangan bidang balaghah.
- b. Kajian ini memperkenalkan kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* dengan mengemukakan aspek-aspek balaghah yang dibincangkan oleh al-Sakkākiy. Dengan demikian kajian ini sedikit banyaknya akan menjadi suatu sumbangan ilmu dalam bidang balaghah.
- c. Kajian ini penting untuk menambah koleksi bahan bacaan dan bahan penyelidikan tentang bidang balaghah dan tokoh-tokohnya. Maka diharapkan dari hasil kajian ini dapat bermanfaat bagi para pelajar dan pengkaji dalam bidang berkenaan.

1.4 Sebab Pemilihan Tajuk

al-Sakkākiy adalah seorang tokoh yang tidak asing lagi dalam kalangan para pengkaji bahasa Arab, terutamanya pengkaji dalam bidang balaghah. Siapa sahaja dan karya manapun yang membincangkan tentang sejarah balaghah dan sastera Arab pasti akan menyebut nama beliau dan karyanya *Miftāḥ al-‘Ulūm*. Ini menunjukkan bahawa ketokohan beliau dan sumbangannya kepada perkembangan ilmu balaghah adalah sangat besar sekali. Karyanya *Miftāḥ al-‘Ulūm* pula merupakan sebuah karya agung yang mendapat perhatian para ahli bahasa. Oleh itu, penulis didorong untuk memilih tajuk ini oleh sebab-sebab berikut:

- a. Pendedahan tentang al-Sakkākiy dan karyanya *Miftāh al-‘Ulūm* masih terbatas dalam kalangan para pelajar bahasa Arab. Oleh itu penulis memilih tajuk ini dengan harapan agar peranan al-Sakkākiy dan karyanya *Miftāh al-‘Ulūm* dapat dikenal oleh segenap lapisan pelajar dalam bidang tersebut.
- b. Dewasa ini pelajar dalam bidang balaghah semakin bertambah bilangan dengan sebab bertambah bilangan penduduk dan pendidikan-pendidikan agama Islam, tetapi masih sedikit dalam kalangan mereka yang menguasai bidang tersebut. Ini kerana mereka kurang menguasai bahasa Arab sehingga kurang meminati untuk mempelajarinya, sedangkan bahan bacaan berkaitan ilmu balaghah yang ditulis dalam bahasa Melayu masih berkurangan. Oleh itu menerusi tajuk ini penulis akan memperkenalkan cabang-cabang ilmu balaghah, serta mendedahkan fungsi dan peranannya dalam bahasa Arab, mudah-mudahan penulisan ini akan bermanfaat bagi pelajar-pelajar dalam bidang berkenaan.
- c. al-Sakkākiy dan karyanya *Miftāh al-‘Ulūm* telah banyak menyumbang kepada perkembangan ilmu balaghah khususnya dan dalam bidang ilmu bahasa Arab pada umumnya. Oleh itu wajar dikaji agar sumbangan yang telah beliau berikan dapat diketahui dengan lebih jelas.
- d. Perbincangan tentang peranan al-Sakkākiy ternyata belum ada suatu penulisan yang khusus, maka kajian ini akan merupakan suatu usaha yang awal.

1.5 Objektif Kajian

Dalam perbahasan ini penulis akan memperlihatkan ciri-ciri yang menunjukkan peranan al-Sakkākiy dan sumbangannya kepada perkembangan ilmu balaghah. Dengan

demikian dapat disimpulkan bahawa objektif utama dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Mengenal pasti peranan al-Sakkākiy dalam perkembangan ilmu balaghah dengan mengemukakan aspek-aspek balaghah yang dibincangkan oleh beliau di dalam karya agungnya *Miftāh al-‘Ulūm*.
- b. Menerangkan penilaian sarjana bahasa Arab terhadap peranan al-Sakkākiy dan karyanya *Miftāh al-‘Ulūm*.
- c. Menganalisis pembaharuan yang dilakukan oleh al-Sakkākiy dalam kajian ilmu balaghah.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini menjangkau sekitar peranan al-Sakkākiy dalam perkembangan ilmu balaghah, ia merangkumi aspek-aspek balaghah yang dikemukakan oleh al-Sakkākiy dalam kitab *Miftāh al-‘Ulūm*, khususnya tajuk-tajuk utama sahaja, seperti “*tasybih*”, “*majāz*”, “*isti‘ārat*” dan “*kināyat*”. Sedangkan cabang-cabangnya atau tajuk-tajuk kecil seperti pembahagian-pembahagiannya hanya penulis sebutkan untuk mudah memahami tajuk-tajuk utama tersebut.

Kajian ini juga akan menyentuh tentang hal-hal yang berkaitan dengan biografi al-Sakkākiy, seperti kelahirannya, pendidikannya, guru dan muridnya, pengikutnya, karyanya, pengaruhnya dalam bidang balaghah, dan komen-komen ulama terhadapnya. Begitu juga hal-hal yang berkaitan dengan ilmu balaghah, seperti definisi ilmu balaghah, pembahagiannya, kedudukan dan peranannya dalam bahasa Arab,

sejarah ringkas tentang pertumbuhannya dan pengasasnya, kerana semua ini merupakan suatu kelengkapan dalam menyempurnakan kajian ini.

Di samping itu penulis juga akan mengemukakan tokoh-tokoh lain sebelum al-Sakkākiy, khasnya ‘AbduLlāh bin al-Mu‘tazz sebagai pengasas ilmu badi‘ dan ‘Abd al-Qāhir al-Jurjāniy sebagai pengasas ilmu ma‘āni dan ilmu bayān. Begitu juga tokoh-tokoh selepas al-Sakkākiy, khasnya Badr al-Dīn bin Mālik sebagai orang pertama yang meringkaskan kitab *Miftāh al-‘Ulūm* dan Abū ‘AbdiLlāh, al-Khaṭīb al-Qazwīniy sebagai seorang yang paling besar perhatiannya terhadap kitab *Miftāh al-‘Ulūm*.

1.7 Metodologi Kajian

Metodologi berasal dari dua perkataan bahasa Yunani kuno, iaitu "methodos" yang memberi maksud "cara" atau "jalan"¹. Sementara perkataan "logos" pula adalah memberi maksud sebagai "ilmu".² Dalam *Kamus Dewan* pula perkataan "metode" didefinisikan sebagai cara melakukan sesuatu atau sistem.³ Dengan demikian metodologi bererti ilmu tentang cara menjalankan kajian.⁴ Metode adalah salah satu asas penting dalam sesuatu kajian ilmiah kerana ia merupakan cara kerja yang sistematik untuk memperoleh dan mengumpulkan data-data yang relevan dan berkesan yang berkaitan dengan objektif kajian.

Untuk merealisasikan objektif kajian ini penulis menjalankan penyelidikan perpustakaan sepenuhnya (library research), bertujuan untuk mendapatkan data-data tentang al-Sakkākiy dan tokoh-tokoh lain yang ada kaitannya untuk melihat peranan

¹ N.K. Koenjaraningrat, *Motode-metode Penelitian Masyarakat*, hlm. 17

² Ibid, hlm.3

³ Teuku Iskandar Dkk, *Kamus Dewan*, hlm. 887.

⁴ Imam Barnadib, *Arti dan Metod Sejarah Penyelidikan*, hlm. 51.

al-Sakkākiy dalam bidang balaghah. Dengan demikian, penyelidikan ini berpandukan kepada buku-buku rujukan dalam bidang balaghah, sama ada yang ditulis oleh para ulama silam mahupun yang ditulis oleh para ulama moden.

Untuk melihat peranan, metodologi dan aspek-aspek balaghah yang dibincang oleh al-Sakkākiy, penulis menggunakan kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*, yang disunting oleh Nā‘im Zurzūr, terbitan Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat, Beirut: Cetakan Kedua: 1407 H / 1987 M, yang disunting oleh ‘Abd al-Ḥamīd Hindāwīy, terbitan Dār al-Kutub al-Ilmiyyat, Beirut: Cetakan Pertama: 1420 H / 2000 M dan yang disunting oleh Akram Uthmān, terbitan Dār al-Risālat, Baghdad: Cetakan Pertama: 1402 H / 1982 M. Begitu juga kitab-kitab lain yang dapat membantu untuk memahami hal-hal yang kurang jelas dalam kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*. Maka untuk memperolehi data-data yang diperlukan, penulis menggunakan pendekatan berikut:

1.7.1 Pengumpulan data,

Dalam proses pengumpulan data penulis menggunakan dua pendekatan berikut:

- a. Kaedah persejarahan.

Kaedah persejarahan adalah merupakan suatu proses mengkaji dan menganalisis secara kritis rekaan dan peninggalan masa lampau.¹ Ia juga merupakan suatu kaedah untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian.² Penggunaan kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang bernilai sejarah.³

Melalui kaedah ini penulis berusaha untuk memuatkan fakta-fakta sejarah yang

¹ Nugroho Notosusanto, *Norma-norma Dasar Penelitian Dan Penelitian Sejarah*, hlm. 17.

² Imam Barnadib, *Erti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, hlm. 51.

³ Imam Bernadid, *Arti dan Metod Sejarah pendidikan*, hlm. 52

berkaitan dengan kajian ini supaya ia dapat dimasukkan pada tempat-tempat yang sesuai, seperti dalam huraian bab dua tentang sejarah ringkas ilmu balaghah dan pengasas ilmu balaghah. Begitu juga dalam bab empat huraian tentang biografi al-Sakkākīy.

b. Kaedah dokumentasi.

Kaedah dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah kajian.¹ Sehubungan dengan itu, kaedah ini membantu penulis untuk mendapatkan maklumat dari bahan-bahan rujukan berbentuk buku, ensiklopedia dan sebagainya yang bersesuaian dengan tajuk kajian ini. Kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* merupakan dokumen primer yang penulis gunakan dalam kajian ini.

Di samping itu penulis juga menggunakan dokumen-dokumen skunder, iaitu buku-buku yang membahas tentang balaghah untuk melihat perkembangan ilmu balaghah pada era sebelum al-Sakkākīy, pada eranya dan era selepasnya, sehingga dengan demikian akan lebih jelas peranan al-Sakkākīy yang boleh dianggap sebagai sumbangannya kepada perkembangan ilmu balaghah. Penggunaan kaedah ini diharapkan dapat menghasilkan data yang sah dan dapat dipercayai.

Dalam usaha untuk mendapatkan data yang diperlukan, penulis telah berkunjung ke beberapa perpustakaan tempatan, seperti Perpustakaan Universiti Malaya Kuala Lumpur, Perpustakaan Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak dan Perpustakaan Tun

¹ Ibid, hlm 55

Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Di samping itu penulis juga melayari internet untuk mengunjungi beberapa perpustakaan dalam website, seperti al-Maktabat al-‘Arabiyyat (<http://abooks.tipsclub.com/>), Maktabat al-Muṣṭafā al-Eliktruniyyat (<http://al-mostafa.com/>), Maktabat Sayd al-Fawā’id (<http://saaid.net/>) dan al-Maktabat al-Syāmilat (<http://shamela.ws>).

1.7.2 Analisis data.

Setelah usaha pengumpulan data selesai dijalankan, maka data-data yang telah terkumpul itu diproses dan diambil kesimpulan daripadanya. Proses ini dinamakan sebagai analisis data. Dalam proses ini penulis menggunakan beberapa kaedah berikut:

- a. Kaedah deduktif.

Data-data yang telah terkumpul diproses dan diambil suatu kesimpulan. Dalam proses ini penulis menggunakan kaedah deduktif, iaitu kaedah penggunaan teori atau gagasan fikiran yang ada atau yang dibentuk sendiri berdasarkan pemikiran atau pengalaman tertentu untuk melihat fenomena yang berlaku.¹ Kaedah ini juga dikenali sebagai kaedah “istinbāt”. Kaedah deduktif digunakan secara meluas ketika penulis menganalisis data dalam setiap persoalan yang menjadi objektif kajian. Ia digunakan dalam setiap bab kajian ini.

- b. Kaedah induktif.

Kaedah induktif adalah suatu kaedah untuk menganalisis maklumat yang dihasilkan melalui pola berfikir bagi mencari pembuktian dan dalil-dalil yang bersifat

¹ Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, *Teknik Berfikir, Konsep dan Proses*, hlm. 5-6

khusus kepada dalil-dalil yang bersifat umum.¹ Kaedah induktif merupakan suatu proses membuat kesimpulan daripada beberapa data yang diperolehi dan dianalisis.² Keadah ini dikenali juga sebagai kaedah “*istiqrā’*” dan kaedah induktif generatif. Penulis menggunakan kaedah ini pada semua bab dalam kajian ini.

c. Kaedah komparatif

Kaedah komparatif adalah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan pada data yang diperolehi. Penulis menggunakan kaedah ini untuk membuat perbandingan tentang fakta-fakta yang berkaitan dengan peranan al-Sakkākiy dengan tokoh-tokoh balaghah yang lain. Untuk tujuan ini penulis menggunakan buku-buku yang membahas tentang sejarah perkembangan ilmu balaghah dan buku-buku balaghah yang ditulis oleh pakar-pakar sebelum dan sesudahnya, supaya dapat membandingkan antara perbahasan al-Sakkākiy dengan perbahasan balaghah sebelum dan sesudahnya, sehingga dengan demikian akan lebih jelas peranan al-Sakkākiy yang boleh dianggap sebagai sumbangannya kepada perkembangan ilmu balaghah. Kaedah ini penulis gunakan dalam perbincangan Bab Lima.

Untuk pedoman transliterasi calon akan menggunakan panduan transliterasi dari buku Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992.

¹ Imam Bernadid, *Arti dan Metod Sejarah pendidikan*, hlm. 52

² Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, *Teknik Berfikir, Konsep dan Proses*, hlm. 4

Untuk mendapatkan maklumat tentang istilah-istilah dalam bidang balaghah penulis akan menggunakan Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2004.

Sedangkan untuk mendapatkan teks terjemahan al-Quran al-Karim penulis berpandukan kepada Syaamil al-Qur'an Miracle The Reference yang diluluskan oleh Yayasan Penyelenggara Penerjemah / Penafsiran al-Qur'an, Kementerian Agama Indonesia, terbitan P.T. Sygma Examedia Arkanleema, dengan beberapa pindaan yang difikirkan lebih tepat.

1.8 Rangka Kajian

Dalam menyempurnakan perbahasan penulis mencadangkan penulisan tesis ini akan meliputi dua bahagian, iaitu;

Bahagian Pertama memuatkan halaman judul, pengakuan keaslian penulisan, abstrak, terjemahan abstrak ke dalam bahasa Inggeris, penghargaan, senarai kandungan, transliterasi, daftar singkatan kata dan senarai rajah.

Bahagian Kedua mencakupi enam bab iaitu;

Bab Satu membuka kata dengan latar belakang kajian, yang mencakupi pengenalan, permasalahan kajian, kajian lampau, kepentingan kajian, sebab pemilihan tajuk, objektif kajian, batasan kajian, metodologi kajian, rangka kajian dan bab ini diakhiri dengan penutup.

Bab Dua melanjutkan kata dengan memaparkan latar belakang ilmu balaghah yang merangkumi pengenalan, definisi ilmu balaghah, pembahagian ilmu balaghah,

peranan ilmu balaghah dan kedudukannya dalam bahasa Arab, sejarah ringkas pertumbuhan ilmu balaghah, pengasas ilmu balaghah dan kesimpulan.

Bab Tiga perbahasan tentang kajian ilmu balaghah sebelum al-Sakkākīy. Bab ini dimulakan dengan pengenalan dan diteruskan dengan mengemukakan tiga tokoh balaghah, iaitu Ibn al-Mu‘tazz, al-Jurjānīy, Usāmat bin Munqidh dan kesimpulan.

Bab Empat akan mengutarakan mengenai al-Sakkākīy dan karyanya *Miftāh al-‘Ulūm* yang mencakupi pengenalan, kelahirannya, pendidikannya, pengikutnya, karyanya, pengaruhnya dalam bidang balaghah, metodologinya dalam *Miftāh al-‘Ulūm*, komen ulama terhadapnya dan kesimpulan.

Bab Lima perbahasan tentang analisis peranan al-Sakkākīy dalam perkembangan ilmu balaghah, yang mencakupi pengenalan, sumbangan al-Sakkākīy kepada ilmu balaghah, sumbangan al-Sakkākīy kepada ilmu ma‘āni, sumbangan al-Sakkākīy kepada ilmu bayān, sumbangan al-Sakkākīy kepada ilmu badi‘, analisis pengaruh al-Sakkākīy dalam bidang balaghah dan kesimpulan.

Kemudian kajian ini diakhiri dengan **Bab Enam** yang meliputi pendahuluan, dapatan kajian, cadangan dan penutup.

1.9 Penutup

Keterangan dan penjelasan di atas akan dijadikan sebagai pegangan dan panduan dasar untuk penulis dalam melaksanakan kajian ini, mudah-mudahan kajian ini akan dapat diselesaikan dengan baik dan sempurna serta bermanfaat terutamanya bagi penulis sendiri dan begitu juga bagi para pembacanya.